


MENANG ANUGERAH SAINTIS MUDA MAB UNESCO



DR Mohd Mokrish bersama salinan e-mel daripada sekretariat MAB UNESCO di Paris memaklumkan pemilihannya sebagai pemenang Anugerah Saintis Muda Program Manusia dan Biosphere (MAB) UNESCO 2016.

Pensyarah kanan Biokimia Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Mokrish Md Ajat memenangi Anugerah Saintis Muda Program Manusia dan Biosphere (MAB) UNESCO 2016.

Pemilihan itu dilakukan Majlis Penyelarasan Antarabangsa Program Manusia dan Biosphere (MAB) UNESCO pada sesi ke-28 majlis itu di Lima, Peru, baru-baru ini.

Dr Mohd Mokrish dimaklumkan mengenai pemilihan beliau sebagai pemenang oleh Pengarah Bahagian Ekologikal dan Sains Bumi, Han Qunli yang juga Setiausaha Program MAB.

Program MAB dimulakan pada 1989 sebagai galakan

kepada penyelidik muda di bawah usia 40 tahun menjalankan kajian serta penyelidikan berkaitan eko-sistem, sumber asli dan kepelbagaian bio.

Katanya, beliau terkejut apabila mendapat e-mel daripada sekretariat MAB UNESCO di Paris memaklumkan kemenangannya.

“Saya awalnya tidak percaya, saya ingatkan e-mel SPAM. Saya kemudian merujuk kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk pengesahan,” katanya.

Dr Mohd Mokrish berkata, melalui geran yang diterimanya itu, beliau akan menjalankan kajian ‘Penilaian Kesedaran Penyakit Zoonotik Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia’.

“Pada peringkat awal, penyelidikan ini membabitkan 160 pelajar beberapa sekolah rendah dan menengah di sekitar Lembah Klang.

“Penyelidikan dilakukan dari Oktober hingga November depan dan dari Februari hingga Mei 2017 sebelum laporan hasil kajian itu dihantar kepada Program MAB pada Ogos 2017,” katanya.

Katanya, kajian dan penyelidikan itu bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai penyakit zoonotik supaya mereka mengetahui cara menghindarnya.

“Ia termasuk penyakit kencing tikus atau ‘leptospirosis’ supaya mereka dapat mengambil langkah sewajarnya ketika pergi berkelah atau mandi di kawasan air terjun.

“Parasit daripada haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing juga boleh berjangkit kepada manusia. Kita akan gunakan fasiliti di UPM termasuk membawa pelajar ke Edu-Park dan ladang tenusu untuk melihat proses pengambilan susu lembu,” katanya.